

# Bengkel Pengkatalogan :

## Teknik Perekodan Bahan Maklumat

**Penulis: Nurfaizah kamarudin dan Norlida Ismailly**

Bengkel Pengkatalogan merupakan satu bengkel yang bertujuan untuk mendedahkan para pelajar Pusat Pengajian Sains Maklumat (PPSM), UiTM Sarawak semester 4 bagi kod kursus Introduction to Cataloging (IMD223) dengan teknik perekodan bahan maklumat. Bengkel ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar asas pengkatalogan, seperti jenis-jenis standard pengkatalogan yang berbeza, peraturan untuk menerangkan dan mengorganisasikan bahan, prinsip analisis subjek dan juga klasifikasi bahan. Pelajar yang menghadiri turut menerima latihan praktikal dalam pengkatalogan, dimana mereka akan dapat mengaplikasikan prinsip-prinsip yang dipelajari ke dalam contoh-contoh sebenar dan mendapatkan pengalaman praktikal dalam mencipta rekod bibliografi. Objektif utama bengkel adalah memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan teknik perekodan bahan maklumat, mengetahui cara pemilihan titik akses, mengenali AACR2R sebagai salah satu piawaian pengkatalogan, dan juga memupuk semangat kerjasama berpasukan semasa bengkel dijalankan.

**Objektif utama bengkel adalah memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan teknik perekodan bahan maklumat, mengetahui cara pemilihan titik akses, mengenali AACR2R sebagai salah satu piawaian pengkatalogan**

Pada 8 Julai 2023 bersamaan hari Sabtu, 100 orang pelajar yang bertuah dari semester 4, dan 4 orang fasilitator yang berdedikasi terdiri dari kalangan pensyarah Pusat Pengajian Sains Maklumat, iaitu Puan Nurfaizah Kamarudin, Puan Norlida Ismailly, Dr. Hjh. Imilia brahim, dan Puan Favilla Zaini telah hadir bagi melaksanakan bengkel ini. Bermula dari jam 8.30 pagi se-



*Pelajar semester 4 yang menyertai Bengkel Pengkatalogan*

hingga 3.30 petang, bengkel telah berlangsung di di bilik kuliah BI27, BI28, BI44, dan BI45.

Pelajar amat teruja apabila mendapat pendedahan mengenai penggunaan standard iaitu AACR2R dalam menghasilkan katalog. Disamping itu fasilitator turut membantu pelajar memahami dengan lebih dekat teknik-teknik yang digunakan dalam pengkatalogan diskriptif untuk bahan-bahan seperti buku, bahan rakaman, dan continuing resources. Pelajar turut mempelajari dan memahami kepentingan penggunaan access point dan form of headings yang betul dalam menghasilkan pengkatalogan diskriptif yang baik dan sempurna.

Bagi memastikan pelajar dapat melakukan aktiviti dengan lebih berkesan, mereka telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil. Ini bagi memudahkan proses pemahaman serta fokus dengan latihan-latihan yang diberikan oleh para fasilitator. Pelajar berpeluang berkongsi hasil latihan yang telah dijalankan secara berkumpulan Bersama dengan fasilitator mereka. Perbincangan yang sihat telah berlaku diantara ahli Kumpulan dan fasilitator terhadap latihan yang dilakukan.

Ini sekaligus, memberi keyakinan kepada setiap pelajar dalam membantu menjawab soalan peperiksaan yang sebenar kelak. Bengkel ini merupakan suatu inisiatif dari pihak fakulti dalam mempersiapkan para pelajar dengan ilmu tambahan untuk menghadapi peperiksaan yang akan datang. Para pelajar memberikan maklumbalas yang baik sepanjang bengkel dijalankan, dan semoga bengkel ini akan dapat diteruskan untuk semester hadapan.